



**Assalamualaikum,**

**Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua dapat kami mengadakan Laman Web Pejabat Daerah Dan Tanah ini.**

Arus perkembangan pesat dunia ICT dalam dunia tanpa sempadan ini telah menyaksikan perubahan drastik teknologi komunikasi yang membolehkan masyarakat mendapatkan sebarang maklumat yang dihendaki secara cepat. Maklumat dan data yang ada dalam laman web ini sedikit sebanyak akan mengalih minat orang ramai dalam memperolehi dan mendapatkan maklumat secara terus serta mengetahui tugas dan peranan yang dimainkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu dalam memberikan perkhidmatan dan kesejahteraan kepada masyarakat khususnya penduduk-penduduk pinggir Bandar.

Maklumat-maklumat pembangunan tanah dan daerah yang diperolehi secara langsung melalui laman web ini beransur-ansur menggantikan kaedah pencapaian maklumat secara konvensional yang dipaparkan di papan-papan kenyataan di Bilik Gerakan di Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di negeri ini. Kami juga bersedia menerima apa jua teguran yang membina bagi membantu pentadbiran ini memenuhi kepuasan pengunjung-pengunjungnya.

## **PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH/PENTADBIR TANAH**

Oleh Administrator

Khamis, 31 Mei 2012 12:50 - Terakhir Diupdate Ahad, 27 Januari 2019 15:29

---

Saya bagi pihak seluruh kakitangan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Terengganu merakamkan sebanyak-banyak terima kasih di atas segala usaha semua pihak yang terlibat dalam pembinaan Laman Web ini.

Sekian Terima Kasih.

**YBHG. ENCIK ZULKILFLI BIN ALI**

*S.M.T., A.M.N., P.J.K.*

**PEGAWAI DAERAH /PENTADBIR TANAH KUALA TERENGGANU**